

## SURAT PEKELILING ICT NO. 4/2012

**DARIPADA:** Setiausaha Kerajaan Negeri

**KEPADA:** Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Residen dan Pegawai Daerah  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Badan Berkanun Negeri

**PERKARA: PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN MAKLUMAT SEKTOR AWAM  
NEGERI**

**RUJ. KAMI:** JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1(23 )

**TARIKH:** 7 Disember 2012

---

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri mengambil maklum kepentingan penilaian risiko keselamatan maklumat sektor awam. Oleh yang demikian, semua agensi Kerajaan Negeri adalah digalakkan untuk melaksanakan penilaian risiko keselamatan maklumat di agensi masing-masing berpandukan kepada Pekeliling Persekutuan iaitu Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005 – Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam.
- 1.2 Ia bertujuan untuk memaklumkan kepentingan dan cara melaksanakan penilaian risiko keselamatan maklumat di Sektor Awam.

### **2. PELAKSANAAN**

- 2.1 Penilaian risiko keselamatan maklumat ini membolehkan Agensi Kerajaan Negeri mengukur, menganalisa tahap risiko aset maklumat dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko.
- 2.2 Dilampirkan bersama adalah Surat Pekelilingan Am Bilangan 6 Tahun 2005 untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. Garis panduan ini telah disediakan bagi mempermudah agensi-agensi Kerajaan Negeri menjalankan penilaian risiko maklumat.
- 2.3 Agensi Kerajaan Negeri yang bersedia untuk melaksanakan penilaian risiko keselamatan maklumat bolehlah berhubung dengan Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri untuk maklumat lanjut berkenaan kaedah pelaksanaan.

**3. TARIKH KUAT KUASA**

- 3.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Surat Pekeliling ini diedarkan secara *online* di Berita SarawakNet dan juga di Laman Pekeliling Kerajaan Negeri.

Sekian, harap maklum.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"  
"AN HONOUR TO SERVE"**



**(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)**  
Setiausaha Kerajaan Sarawak



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88881199  
Faks : 603-88883286

---

*Rujukan Kami : UPTM(S) 159/526/15 Jld 5. (23)*

*Tarikh : 7 November 2005*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 6 TAHUN 2005**

---

**GARIS PANDUAN**

**PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN MAKLUMAT SEKTOR AWAM**

**TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepentingan dan cara melaksanakan penilaian risiko keselamatan maklumat di sektor awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 - Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan pada 1 Oktober 2000 yang menjelaskan Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan serta perkara-perkara berkaitan yang perlu diberi pertimbangan dan diambil tindakan oleh sektor awam.

3. Kerajaan juga telah mengeluarkan garis panduan keselamatan ICT yang di kenali sebagai *Malaysian Public Sector Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS)* bagi menyokong Rangka Dasar tersebut. Salah satu tugas dan tanggung jawab Ketua Jabatan yang telah digariskan dalam Pekeliling tersebut adalah untuk melaksanakan aktiviti penilaian risiko keselamatan maklumat berpanduan kepada standard, garis panduan, prosedur dan langkah keselamatan ICT yang ditetapkan.

4. Penilaian risiko keselamatan maklumat sektor awam adalah bertujuan untuk membolehkan sektor awam mengukur, menganalisis tahap risiko aset maklumat dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko. Untuk tujuan itu, garis panduan penilaian risiko keselamatan maklumat telah disediakan bagi mempermudah agensi-agensi sektor awam menjalankan penilaian risiko maklumat.

#### **PENGGUNAAN GARIS PANDUAN**

5. Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam ini menyediakan kaedah-kaedah dan teknik-teknik dalam proses penilaian risiko maklumat supaya proses penilaian dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

6. Garis panduan ini mempunyai 2 bahagian utama iaitu:

- a) *The Malaysian Public Sector Information Security High Level Risk Assessment (HiLRA) Guide* bertujuan memberi panduan melaksanakan penilaian risiko maklumat untuk mendapatkan gambaran awal tahap risiko yang terdapat dalam sistem maklumat agensi.
- b) *The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment Methodology (MyRAM)* yang bertujuan menyediakan kaedah untuk melaksanakan penilaian risiko terperinci secara kualitatif terhadap aset maklumat seperti ancaman, kelemahan, impak dan kemungkinan berlaku musibah bagi setiap aset dalam skop yang telah dipersetujui.

7. Semua agensi Kerajaan hendaklah melaksanakan penilaian risiko umum ke atas sistem maklumat berpandukan kepada kaedah HiLRA. Sekiranya penemuan HiLRA menunjukkan agensi mempunyai tahap risiko aset maklumat yang tinggi maka penilaian risiko terperinci berpandukan kaedah MyRAM perlu dilaksanakan.

8. Agensi-agensi digalakkan melaksanakan penilaian risiko ke atas aset maklumat secara berkala untuk mendapat gambaran mengenai tahap keselamatan secara berterusan memandangkan teknologi dan keperluan keselamatan maklumat sering berubah.

#### **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

9. Ketua-ketua jabatan hendaklah:

a) memastikan penilaian risiko keselamatan maklumat berpandukan kaedah dan teknik yang disediakan dalam garis panduan ini dilaksanakan; dan

b) mengemukakan maklum balas hasil penilaian risiko keselamatan maklumat khususnya tarikh penilaian dilaksanakan dan tahap penilaian risiko jabatan kepada Bahagian Keselamatan ICT, MAMPU seperti di alamat di bawah. Maklumat ini adalah SULIT.

10. Ketua-ketua jabatan juga hendaklah mengambil tindakan susulan atau langkah-langkah untuk mengurangkan atau mengawal risiko maklumat berdasarkan kepada penemuan penilaian risiko.

#### **KHIDMAT NASIHAT**

11. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Surat Pekeliling ini dan maklum balas hasil penilaian risiko keselamatan maklumat hendaklah dikemukakan kepada:

Bahagian Keselamatan ICT  
Aras 5, Blok B1,  
Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

13. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
Ketua Setiausaha Negara